



**KENYATAAN AKHBAR**  
**MAJLIS PENYAMPAIAN SIJIL BAGI KURSUS ASAS PEMANDU PELANCONG**  
**SETEMPAT, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Sabtu, 5hb Disember 2020, 2.00 petang**  
**Dewan Setia Pahlawan,**  
**Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan**

Penyampaian sijil Asas Pemandu Pelancong Setempat kepada seramai 12 orang yang telah lulus pemeriksaan secara teori dan pratikal bagi Kursus Asas Pemandu Pelancong Setempat telahpun diadakan pada 05hb Disember 2020 bertempat di Dewan Setia Pahlawan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Hadir bagi menyempurnakan penyampaian sijil tersebut ialah Yang Mulia Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab, Setiausaha Tetap, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Kursus Asas Pemandu Pelancong Setempat ini adalah julung kalinya diadakan yang mana telah dikendalikan selama 8 hari bermula pada 26hb Oktober 2020 sehingga 9hb November tahun 2020. Kursus ini dikendalikan secara kerjasama di antara Jabatan Kemajuan Pelancongan dengan Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE), iaitu salah sebuah Institusi yang diiktiraf oleh Jabatan Kemajuan Pelancongan bagi mengendalikan latihan peningkatan kapasiti sumber manusia bagi pelancongan.

Kursus Asas Pemandu Pelancong Setempat ini diadakan bertujuan untuk:

- meningkatkan dan memantapkan kemahiran pemandu pelancong dalam memberikan perkhidmatan yang berkualiti;
- memenuhi kehendak piawaian yang telah ditetapkan;
- menyelaraskan maklumat dan informasi yang disalurkan oleh setiap pemandu pelancong adalah tepat dan betul; dan
- membuka peluang-peluang pekerjaan yang boleh dimanfaatkan oleh penduduk tempatan khususnya di kalangan belia-belia di Negara ini.

Peserta kursus ini telah didedahkan terhadap berbagai teknik kemahiran asas praktikal dan teori tentang tatacara sebagai pemandu pelancong, pengenalan destinasi-destinasi utama pelancongan dan tempat-tempat menarik serta pengenalan berhubung industri pelancongan di Negara ini. Peserta juga turut diajar mengenai *First Aid Course* yang mana keselamatan pelancong adalah sangat penting bagi menghadapi situasi-situasi kecemasan yang terjadi kepada pelancong-pelancong.



Kursus Pemandu Pelancong Setempat ini adalah berbeza dengan Kursus Asas Pemandu Pelancong yang dikendalikan sebelum ini dimana bagi Kursus Asas Pemandu Pelancong Setempat, pemandu-pemandu pelancong yang berdaftar ini hanya dibenarkan untuk memberikan perkhidmatan kepada pelancong-pelancong di kawasan mereka sendiri sahaja. Kursus Asas Pemandu Pelancong Setempat pertama ini telah dibukakan kepada pemandu-pemandu pelancong yang berasal dari Kampung Teraja dan juga Kampong Mendaram, Mukim Labi, Kuala Belait. Latihan teori telah diadakan di Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) manakala bagi latihan praktikal ianya tertumpu di Wasai Teraja dan Wasai Wong Kadir yang merupakan tempat tarikan utama pelancong bagi kedua-dua Kampong tersebut.

Kerjaya profesion sebagai Pemandu Pelancong sememangnya sangat-sangat diperlukan dalam sektor pelancongan di Negara ini. Oleh itu setiap Pemandu Pelancong memainkan peranan dan tugas yang penting dalam memastikan maklumat yang disampaikan adalah tepat dan mudah di fahami. Melalui perkhidmatan yang kompeten dan *professional* setentunya akan dapat meningkatkan lagi mutu perkhidmatan yang diberikan selain daripada menjana kualiti dan imej cermerlang kepada pelancongan di negara ini.

Inisiatif ini akan dilanjutkan kepada daerah-daerah yang lain di Negara ini di masa akan datang yang mana Daerah Temburong akan menjadi tumpuan seterusnya. Jabatan Kemajuan Pelancongan akan membuat perbincangan dengan Majlis-Majlis Perundingan Kampung dan juga Jabatan-Jabatan Daerah yang berkenaan bagi mengenalpasti tempat-tempat yang dipikirkan perlu diberikan keutamaan terutama sekali kawasan yang sering dikunjungi oleh pelancong-pelancong.

- **Tamat** -